

REKA BENTUK PEMBANGUNAN MODUL
PEMBELAJARAN GITAR PEMULA
BERKONSEPKAN “*BITE-SIZE
LEARNING*” DALAM KALANGAN
PELAJAR MENENGAH RENDAH
MELALUI APLIKASI
TIKTOK

MARLIA MUNIRAH BINTI
ABU MANSOR HALIMI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025

REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN MODUL PEMBELAJARAN GITAR
PEMULA BERKONSEPKAN “*BITE-SIZE LEARNING*” DALAM KALANGAN
PELAJAR MENENGAH RENDAH MELALUI APLIKASI TIKTOK

MARLIA MUNIRAH BINTI ABU MANSOR HALIMI

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN MUZIK
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025

Kertas Projek
Sesuai Penyelidikan
Gajazat Penyelidikan dan Karya Khas
Dewan Falsafah



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 08 / 07 / 2025

Perakuan Pelajar:

Saya, MARLIA MUNIRAH BINTI ABU MANSOR HALIMI, M20202001325, FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN MODUL PEMBELAJARAN GITAR PEMULA BERKONSEPKAN "BITE-SIZE LEARNING" DALAM KALANGAN PELAJAR MENENGAH RENDAH MELALUI APLIKASI TIKTOK adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya DR. CHAMIL ARKHASA NIKKO BIN MAZLAN dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN MODUL PEMBELAJARAN GITAR PEMULA BERKONSEPKAN "BITE-SIZE LEARNING" DALAM KALANGAN PELAJAR MENENGAH RENDAH MELALUI APLIKASI TIKTOK dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN MUZIK

14 / 07 / 2025

Tarikh

DR. CHAMIL ARKHASA NIKKO BIN MAZLAN
LEKAS
DEPARTMENT OF MUSIC EDUCATION
FACULTY OF MUSIC
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY
35510 TANJONG MALAYU, MALAYSIA

Tandatangan Penyelia

UPSI/PS-FBT/11
Pind. 01/04/11



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN
TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk/Title: **REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN MODUL PEMBELAJARAN
GITAR PEMULA BERKONSEPKAN "BITE-SIZE LEARNING" DALAM
KALANGAN PELAJAR MENENGAH RENDAH MELALUT APLIKASI TIKTOK**

Nº. Matrik /Matric's No. : **M20202001325**

Saya/ **MARLIA MUNIRAH BINTI ABU MANSOR HALIMI** membonarkan Tesis/Disertasi/Laporan
Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan
Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut -
*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as
follows -*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah. *Please tick (✓) for category below:-*

SULIT/ CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.

TERHAD/ RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD/ OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

DR. CHAMLAIRKHASA NIKKO BIN MAZLAN

DEPARTMENT OF MUSIC AND MUSIC EDUCATION
FACULTY OF EDUCATION AND HUMANITIES
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
(Tandatangan/Signature)
Supervisor & (Sign & Cap Rasmi /
Name & Official Stamp)

Tarikh: 14 / 07 / 2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** (i) **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali-sekali syarat dan tempoh akses ini perlu diketetapan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, puji dan syukur ke Hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, penyelidik dapat menyiapkan kajian ini bagi memenuhi syarat ijazah sarjana pendidikan muzik. Segala rasa syukur dan puji-pujian kepada ALLAH SWT kerana telah meminjamkan nikmat kesihatan tubuh badan dan kecerdasan akal fikiran sepanjang proses menyiapkan kajian ini. Sehubungan itu, pada kesempatan ini penyelidik ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Chamil Arkhasa Nikko Bin Mazlan, atas segala bimbingan, teguran, didikan dan tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang tempoh penyeliaan berjalan sehingga peringkat akhir. Semoga ALLAH SWT melimpahkan rahmat dan kesejahteraan kepada beliau di dunia dan akhirat. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada pakar-pakar yang terlibat dalam penyelidikan ini. Sekalung penghargaan dan terima kasih diberikan kepada pensyarah yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Tidak lupa juga penghargaan buat yang teristimewa kepada ibu dan bapa penyelidik Allahyarham Abu Mansor Halimi Bin Osman dan Puan Jamilah Binti Ahmad serta ahli keluarga yang sentiasa memberi galakan, dorongan, nasihat serta doa yang tidak pernah putus sehingga penyelidik dapat menyelesaikan kajian hingga ke peringkat ini. Semoga ALLAH SWT sahajalah yang akan membalas jasa kalian semua. InshaAllah. Amin.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mereka bentuk dan membangunkan sebuah modul pembelajaran gitar untuk pelajar sekolah menengah rendah berasaskan konsep bite-size learning menggunakan platform TikTok. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan pembangunan berasaskan model ADDIE dan dilaksanakan sehingga peringkat penilaian pakar. Modul ini dibina berdasarkan 14 topik utama pembelajaran gitar dan dirangka mengikut pendekatan teori Pembelajaran Kognitif Multimedia, Teori Beban Kognitif, dan Pembelajaran Masteri. Setiap topik disusun dalam format video pendek berdurasi 1–2 minit dengan objektif yang jelas dan berpandukan skrip yang telah direka bentuk secara sistematik. Seramai lima orang pakar menilai kandungan dan struktur modul manakala lima orang guru muzik sekolah menengah ditemu bual bagi mendapatkan maklum balas terhadap kesesuaian kandungan modul. Dapatan menunjukkan bahawa pendekatan bite-size learning menerusi skrip video TikTok berpotensi membantu pelajar memahami asas permainan gitar dengan lebih berkesan. Kajian ini mencadangkan bahawa penggunaan media sosial sebagai medium pembelajaran boleh dimanfaatkan secara strategik dalam pendidikan muzik di peringkat sekolah menengah.





DESIGN AND DEVELOPMENT OF A BEGINNER GUITAR LEARNING MODULE BASED ON BITE-SIZE LEARNING AMONG LOWER SECONDARY SCHOOL STUDENTS USING THE TIKTOK PLATFORM

ABSTRACT

This study focuses on the design and development of a beginner guitar learning module tailored for lower secondary school students, integrating the ‘bite-size learning’ concept via the TikTok application. The research adopts the ADDIE model and is conducted up to the expert evaluation phase. The module comprises 14 carefully selected topics designed to suit the cognitive capabilities and motivational needs of students, grounded in Cognitive Load Theory and Cognitive Theory of Multimedia Learning. Mastery learning elements are also incorporated to ensure students achieve learning outcomes progressively and effectively. The development includes structured scripts and video frameworks that emphasize “one video, one objective” to support short, focused, and engaging content delivery. The study involves five subject matter experts for validation and five secondary school music teachers as informants through semi-structured interviews. The findings reveal positive feedback on the content relevance, clarity, and suitability of the bite-size approach for student engagement and motivation in learning the guitar. This study contributes to innovative pedagogical strategies in music education by combining social media platforms and instructional design principles.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan Kajian	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Skop Kajian	9
1.7 Batasan Kajian	11
1.8 Definisi Operasional	12
1.9 Rumusan Bab	16

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	20
2.2	Penggunaan Media Sosial dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Muzik	21
2.3	Pembelajaran Muzik Melalui Media Sosial di Aplikasi Tik Tok	23
2.4	Konsep Bite-Sized Learning	27
2.5	Panduan Pembelajaran Asas Gitar bagi Pemain Gitar pemula	31
2.6	Teori Beban Kognitif / Cognitive Load Theory, CLT (Sweller,1998)	32
2.7	Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia (Mayer 2001)	34
2.8	Aplikasi TikTok sebagai Platform Pembelajaran	36
2.9	Model Pembangunan ADDIE	37
2.10	Kerangka Konseptual	38
2.11	Kajian lepas Berkaitan Pembangunan Panduan Pembelajaran	40
2.12	Kajian Kepustakaan (<i>Library Research</i>)	41
2.13	Pendidikan Global dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)	43
2.14	Kesimpulan	44

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	46
3.2	Reka Bentuk Kajian	46
3.2.1	Fasa Analisis	48
3.2.2	Fasa Reka Bentuk	49
3.2.3	Fasa Pembangunan	51
3.2.4	Fasa Pelaksanaan	51
3.2.5	Fasa Penilaian	52
3.3	Informan Kajian dan Pakar kajian	54

3.3.1	Informan kajian	54
3.3.2	Pakar Kajian	55
3.3.2.1	Biodata Pakar 1	56
3.3.2.2	Biodata Pakar 2	56
3.3.2.3	Biodata Pakar 3	56
3.3.2.4	Biodata Pakar 4	57
3.3.2.5	Biodata Pakar 5	57
3.4	Instrumen Kajian	57
3.4.1	Instrumen Temu Bual Informan	57
3.4.2	Prosedur Temu Bual	59
3.4.3	Pembangunan Instrumen Soalan Temu Bual	59
3.4.4	Instrumen Penilaian Pakar	60
3.5	Prosedur Kajian	62
3.6	Analisis Data	64
3.6.1	Data Temu Bual (Informan)	65
3.6.1.1	Transkripsi Data	65
3.6.1.2	Pengenalpastian Kod Utama	65
3.6.1.3	Pembinaan Tema	65
3.6.1.4	Tafsiran Berdasarkan Kerangka Teori	66
3.6.1.5	Perbandingan dengan DSKP	66
3.6.2	Data Penilaian Pakar	66
3.6.2.1	Pengenalpastian Pola Respons	67
3.6.2.2	Analisis Ulasan Terbuka	67
3.6.2.3	Penafsiran dan Kategorisasi	68

3.6.2.4	Perbandingan Buku Rujukan	68
3.6.3	Integrasi dengan DSKP dan Buku Rujukan	69
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	70
3.8	Etika Kajian	71
3.9	Rumusan	73
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	75
4.2	Analisis Sukatan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) -Keperluan pelajar dalam muzik	76
4.2.1	Standard Kandungan	76
4.2.2	Standard Pembelajaran.	78
4.2.3	Standard Prestasi	79
4.3	Analisis Kandungan Sukatan Pelajaran (Buku Teks dan Buku-Buku Rujukan) – Analisis Perbandingan	80
4.3.1	Buku Teks Pendidikan Muzik Tingkatan 1, 2 dan 3	80
4.3.2	Buku The Next level Guitar (Beginner Guitar)	81
4.3.3	Buku Guitar Method Book 1 (Hal Leonard)	81
4.3.4	Panduan Asas Bermain Gitar. (Ebook daripada belajar gitar.com)	82
4.3.5	Analisis Perbandingan (<i>Comparative Analysis</i>) Antara Buku Rujukan	83
4.3.6	Dapatan Analisa Perbandingan (<i>Comparative Analysis</i>) Antara Empat Buku Rujukan	84
4.4	Dapatan Kandungan Sukatan Pelajaran Dari Proses Temu Bual	87
4.5	Dapatan Daripada Penilaian Pakar Tentang Pembangunan Modul Pembelajaran Gitar Untuk Pelajar Menengah Rendah Berkonsepkan " <i>Bite-Size Learning</i> " Menggunakan Aplikasi Tiktok Menggunakan Skala Likert dan Analisis Tematik	92

4.5.1	Kesuaian Kandungan Modul	92
4.5.2	Keberkesanan Pendekatan <i>Bite-Size Learning</i>	93
4.5.3	Potensi Modul sebagai Alat Pembelajaran Mandiri	94
4.5.4	Rumusan Penilaian Pakar Secara keseluruhan	95

BAB 5 PEMBANGUNAN MODUL

5.1	Pendahuluan	97
5.2	Proses Pembangunan Modul Berdasarkan Model ADDIE	99
5.2.1	Fasa Analisis	99
5.2.2	Fasa Reka Bentuk (<i>Design</i>)	100
5.2.2.1	Penetapan Objektif Pembelajaran	101
5.2.2.2	Reka Bentuk Skrip Video TikTok	101
5.2.2.3	Penggunaan Teori Pembelajaran	101
5.2.3	Fasa Pembangunan (<i>Development</i>)	102
5.2.3.1	Penulisan Skrip Video	102
5.2.3.2	Reka Bentuk Visual dan Elemen Multimedia	103
5.2.4	Fasa Penilaian (<i>Evaluation</i>)	103
5.2.4.1	Penilaian oleh Pakar	103
5.3	Pembangunan Modul Pembelajaran Gitar untuk Pelajar Menengah Rendah Berkonsepkan " <i>Bite-Size Learning</i> " Menggunakan Aplikasi Tiktok	104
5.3.1	Topik 1: Pengenalan Gitar (Sejarah dan Latar Belakang)	105
5.3.2	Topik 2: Jenis Gitar (Akustik, Elektrik dan Klasikal) Objektif Pembelajaran:	106
5.3.3	Topik 3: Bahagian Gitar (Kepala, Leher, Badan)	108
5.3.4	Topik 4: Postur Bermain Gitar (Duduk dan Berdiri)	109

5.3.5	Topik 5: Penalaan Gitar	110
5.3.6	Topik 6: Alat Penalaan	111
5.3.7	Topik 7: Cara Penalaan	112
5.3.8	Topik 8: Nama Not Tali Terbuka	113
5.3.9	Topik 9: Nama Not pada Tali Gitar hingga Fret Ketiga (<i>First Position</i>)	114
5.3.10	Topik 10: Cara Bermain Gitar (<i>Strumming Up and Down</i>)	116
5.3.11	Topik 11: Kord Gitar (<i>Open Position Chord</i>)	117
	5.3.11.1 Kord E Minor	117
	5.3.11.2 Kord A Minor	119
	5.3.11.3 Kord C Major	121
	5.3.11.4 Kord G Major	122
	5.3.11.5 Kord G Major	124
	5.3.11.6 Kord F Major	126
5.3.12	Topik 12: Cara Penjagaan Gitar	129

5.4	Penutup	130
-----	---------	-----

BAB 6 PERBINCANGAN, RUMSAN DAN CADANGAN

6.1	Pendahuluan	131
6.2	Perbincangan Dapatan Kajian Berdasarkan Permasalahan dan Persoalan Kajian	131
	6.2.1 Kekangan Pengajaran Tradisional dan Kurangnya Bahan Menarik	131
	6.2.2 Kekurangan Bahan Digital Berasaskan TikTok	132
	6.2.3 Persoalan Kajian dan Dapatan	133
6.3	Implikasi Kajian	134

6.3.1	Implikasi Teoritikal	134
6.3.2	Implikasi Praktikal	134
6.3.3	Cadangan Penambahbaikan dan Kajian Masa Hadapan	134
6.4	Kesimpulan	135
	RUJUKAN	136
	LAMPIRAN	141



SENARAI JADUAL

No Jadual		Muka Surat
2.1	Maklumat Berkaitan TikTok dalam Pendidikan Berdasarkan Akhbar Tempatan	25
4.1	Pembahagian Pemberatan Kandungan	77
4.2	Analisis Perbandingan Buku Rujukan.	83
5.1	Not dalam Skel E Minor dan Kedudukan Dalam Skel.	118
5.2	Penjarian Kord E minor.	119
5.3	Not dalam Skel A minor dan kedudukan dalam skel.	120
5.4	Not dalam Skel C Major dan kedudukan Dalam Skel.	123
5.5	Not dalam Skel G Major dan Kedudukan Dalam Skel.	125
5.6	Not dalam Skel F Major dan Kedudukan Dalam Skel.	127





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka surat
2.1	Kerangka Konseptual.	40
3.1	Reka Bentuk Kajian Menggunakan Model Addie.	53
5.1	Penjarian Kord A minor.	121
5.2	Penjarian Kord C Major.	124
5.3	Penjarian Kord G Major.	126
5.4	Penjarian Kord F Major.	128





SENARAI SINGKATAN

BSL Bite Size Learning

CTML Cognitive Theory Of Multimedia Learning



SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Pelantikan sebagai informan kajian 1
- B Surat Pelantikan sebagai informan kajian 2
- C Surat Pelantikan sebagai informan kajian 3
- D Surat Pelantikan sebagai informan kajian 4
- E Surat Pelantikan sebagai informan kajian 5
- F Surat Pengesahan Pelajar Membuat Penyelidikan
- G Borang Penilaian Pakar
- H Surat Pelantikan sebagai Panel Kandungan



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan Kajian

Perkembangan teknologi digital dan kebangkitan media sosial telah merevolusikan pendekatan dalam penyampaian ilmu, sekaligus menjadikannya lebih ringkas, mudah diakses, dan menarik. Salah satu platform media sosial yang semakin mendapat tempat dalam kalangan generasi muda ialah TikTok. Chen et al. (2022) menyatakan bahawa video pendek seperti yang terdapat dalam aplikasi TikTok direka bentuk untuk menyampaikan maklumat yang padat dan menarik.

Ciri utama aplikasi seperti TikTok ialah penyampaian kandungan berbentuk video pendek yang interaktif, terbukti mampu menarik dan mengekalkan perhatian pengguna dalam jangka masa singkat (Chen et al., 2022; Wang, Gu, & Wang, 2019). Keunikan ini menjadikan TikTok sebagai satu medium yang berpotensi untuk dimanfaatkan dalam pembelajaran tidak formal, termasuk dalam bidang muzik.





Dalam landskap pendidikan masa kini yang semakin dipengaruhi oleh teknologi digital, aplikasi seperti TikTok dilihat berpotensi sebagai alat bantu pembelajaran yang inovatif. Kajian menunjukkan bahawa penyampaian maklumat melalui format video pendek yang bersifat visual dan interaktif, seperti dalam TikTok, mampu menarik perhatian serta meningkatkan penglibatan pelajar, terutamanya dalam kalangan generasi yang terbiasa dengan kandungan digital yang ringkas dan mudah diakses (Chen et al., 2022; Wang, Gu, & Wang, 2019). Selaras dengan konsep "bite-sized learning" atau pembelajaran dalam saiz kecil yang telah dikenalpasti sebagai satu pendekatan pedagogi bersifat pragmatik dan fleksibel. Ia membolehkan penyampaian kandungan pembelajaran dalam unit-unit kecil yang mudah diakses dan difahami. Pendekatan ini sesuai dengan keperluan pelajar abad ke-21 yang cenderung kepada pembelajaran yang ringkas, peribadi, dan sesuai dengan gaya hidup digital mereka (Mazlan et al., 2023). Justeru, kajian ini memberi tumpuan kepada rekabentuk dan pembangunan modul pembelajaran gitar pemula di kalangan pelajar sekolah menengah rendah berteraskan konsep "bite-size learning" menggunakan aplikasi TikTok. Fokus utama adalah untuk memenuhi keperluan pemain gitar pemula yang mutlak iaitu pelajar yang tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan asas dengan menyediakan kandungan pembelajaran yang mudah difahami, pendek, dan boleh diakses pada bila-bila masa.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pola pendidikan masa kini semakin tertumpu kepada penguasaan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta aspek pendigitalan. Menurut Che In dan Ahmad (2018), matlamat pendidikan adalah untuk memberikan kefahaman yang mendalam





terhadap konsep yang dipelajari. ICT dan pendigitalan pula merangkumi penggunaan komputer, perisian, serta kemudahan untuk memproses, mengubah suai, dan menyimpan maklumat secara mudah, pantas dan boleh diakses di mana-mana sahaja (Haliza et al., 2012). Dalam era ini, maklumat berada hanya di hujung jari (A. Razak Ahmad, 2011). Seiring dengan matlamat pendidikan moden yang berteraskan teknologi, kaedah pengajaran dan pembelajaran juga perlu diubah suai agar sejajar dengan perkembangan teknologi digital semasa. Pendekatan ini penting untuk memastikan keberkesanan pembelajaran dan pencapaian hasil pendidikan yang optimum.

Laporan Astro Awani (2021) menyatakan bahawa dunia kini bergerak ke arah kemahiran digital, yang mana proses pengajaran dan pembelajaran tidak lagi terhad kepada pendekatan pedagogi semata-mata. Sebaliknya, pendekatan baharu seperti heutagogi, peeragogi dan sibergogi turut diperkenalkan. Kaedah ini menggalakkan pelajar untuk belajar secara sendiri, di mana-mana sahaja, tanpa bergantung sepenuhnya kepada guru, sekaligus mengubah persepsi pelajar tentang pembelajaran itu sendiri.

Pendidikan abad ke-21 menekankan konsep Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) yang bersifat kreatif serta mampu melahirkan murid yang bersedia menghadapi cabaran global. Teknologi memainkan peranan penting dalam usaha melahirkan pelajar yang seimbang dan berdaya saing, khususnya dalam bidang muzik. Inovasi teknologi telah melahirkan pelbagai aplikasi dan platform media sosial yang boleh digunakan sebagai alat bantu dalam proses pembelajaran muzik (Noradilah & Lai Weng, 2019).





Namun begitu, perkembangan teknologi ini turut memberikan cabaran besar kepada pendidik. Menurut Nik Mohd Rahimi (2002), perubahan ini menuntut pendekatan pengajaran yang lebih inovatif dan efektif, terutamanya melalui penggunaan aplikasi dan media interaktif. Penggunaan teknologi dapat menghasilkan pembelajaran interaktif yang menggalakkan pemikiran aktif dalam kalangan pelajar serta mewujudkan hubungan yang lebih bermakna antara pelajar dan kandungan pelajaran (Harlina et al., 2017).

Selain itu, nilai pembelajaran sendiri turut diberi penekanan. Pembelajaran secara sendiri membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan tanpa kehadiran guru dan membentuk disiplin diri yang tinggi (Rafiza, 2013). Oleh itu, pemilihan kaedah penyampaian yang bersesuaian amat penting dalam memastikan keberkesanan proses

pembelajaran.



Pembelajaran secara atas talian melalui aplikasi media sosial kini menjadi norma dalam landskap pendidikan moden. Pelajar boleh mengakses pelbagai maklumat dari seluruh dunia sebagai bahan rujukan. Kaedah ini memberikan banyak kelebihan terutamanya dalam memperluas capaian pendidikan kepada kumpulan pelajar yang lebih besar. Justeru, penggunaan teknologi dalam pendidikan tidak boleh dipinggirkan agar sistem pendidikan negara kekal relevan.

Menurut Grisham dan Wolsey (2006), pelajar masa kini hidup dalam dunia yang saling dihubungkan oleh teknologi digital dan media, menjadikan mereka sebahagian daripada dunia yang "digitally connected" dan "media-saturated". Kajian Madden et al. (2013) di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa 95% remaja berada dalam talian pada





setiap masa, membuktikan bahawa generasi ini layak digelar sebagai 'digital natives' seperti yang dikemukakan oleh Marc Prensky (2001). Walaupun pengajaran tradisional masih relevan, pelajar kini lebih cenderung kepada kaedah pembelajaran berasaskan internet.

Perubahan generasi turut memberi kesan kepada pola pendidikan. Nugroho (2021) menyatakan bahawa terdapat beberapa kategori generasi seperti baby boomer, generasi X, Y, Z dan Alpha, masing-masing mempunyai latar kemajuan ICT dan pendidikan yang berbeza. Kaedah pengajaran tradisional yang dahulunya berkesan kini perlu diubahsuai bagi menyesuaikan diri dengan era teknologi semasa.

Sehubungan itu, Bab 1 ini membincangkan perkara-perkara asas yang berkaitan dengan kajian ini termasuk latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif, persoalan kajian, skop, limitasi, serta definisi operasional berdasarkan tajuk kajian iaitu satu reka bentuk modul pembelajaran asas gitar yang berteraskan konsep *bite-sized learning* menggunakan aplikasi TikTok.

1.3 Pernyataan Masalah

Perubahan landskap pendidikan masa kini menyaksikan perkembangan pesat teknologi digital serta penggunaan media sosial dalam kehidupan seharian, termasuk dalam konteks pembelajaran. Generasi pelajar masa kini yang tergolong dalam kelompok *digital natives* lebih cenderung menggunakan teknologi seperti telefon pintar dan aplikasi mudah alih dalam menerima dan menyampaikan maklumat (Prensky, 2001). Walau bagaimanapun, pendekatan pembelajaran muzik, khususnya pembelajaran asas





gitar, masih banyak bergantung pada kaedah tradisional yang memerlukan kehadiran fizikal dan struktur formal, yang kadangkala kurang menarik minat pelajar baharu (Swanwick, 2016).

Pelajar pemula dalam bidang muzik turut berdepan dengan cabaran seperti kekangan masa, motivasi yang rendah, dan kesukaran mendapatkan bahan pembelajaran yang sesuai serta mudah difahami (Green, 2002). Dalam era maklumat yang pantas ini, pelajar lebih cenderung memilih bahan pembelajaran yang bersifat ringkas, padat, dan boleh diakses melalui platform yang mereka biasa gunakan, termasuk aplikasi TikTok. Aplikasi ini menawarkan kandungan dalam bentuk video pendek yang boleh dimanfaatkan untuk menyampaikan konsep asas pembelajaran secara lebih efisien dan menarik (Chen et al., 2022; Wang, Gu, & Wang, 2019).



Walau bagaimanapun, kajian tempatan yang membincangkan penggunaan TikTok secara khusus sebagai medium pembelajaran muzik yang berstruktur masih terhad. Namun, kajian antarabangsa menunjukkan bahawa TikTok berpotensi sebagai alat pembelajaran yang efektif melalui pendekatan bite-sized learning, iaitu strategi pembelajaran modular yang menekankan kandungan ringkas, fokus, dan mudah diakses (Yélamos-Guerra et al., 2022; Conde-Caballero et al., 2024; Kaye et al., 2022). Keadaan ini menunjukkan wujud jurang dalam penyediaan bahan bantu mengajar asas gitar yang menepati corak pembelajaran generasi digital.

Menurut laporan *Utusan Malaysia* bertarikh 17 Jun 2021 bertajuk “PdPR: Guru tak boleh ‘ikut buku’ sahaja”, guru disarankan agar lebih kreatif dan fleksibel dalam merancang pengajaran, dengan tidak bergantung sepenuhnya kepada buku teks atau





pendekatan konvensional. Ini penting khususnya dalam menghadapi masalah capaian internet dan kekangan peranti digital dalam kalangan pelajar (Utusan Malaysia, 2021). Oleh itu, penghasilan bahan pembelajaran dalam bentuk yang boleh diakses secara luar talian seperti video, fail PDF atau bahan bercetak mampu memberi peluang kepada pelajar untuk belajar secara sendiri mengikut kesesuaian masa dan keupayaan mereka (Nur Aisyah et al., 2011). Pendekatan ini turut seiring dengan prinsip pembelajaran berpusatkan pelajar (*student-centred learning*), yang menekankan fleksibiliti dalam pembelajaran berdasarkan keperluan pelajar (Hashim, Yunus, & Embi, 2018). Selain itu, pemilihan pelajar sekolah menengah rendah sebagai kumpulan sasaran dalam kajian ini juga disokong oleh kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Buku teks Pendidikan Muzik Tingkatan 1 hingga 3 secara eksplisit memperkenalkan topik berkaitan asas permainan gitar seperti teknik petikan, penalaan, dan kord asas (KPM, 2017; KPM, 2018; KPM, 2019). Ini menunjukkan bahawa pelajar pada tahap ini telah didedahkan secara asas kepada permainan gitar, namun kurang bahan pembelajaran berbentuk digital yang selari dengan pendekatan pembelajaran kontemporari dan penggunaan teknologi yang mesra digital dan pembelajaran abad ke-21.

Tambahan pula, kandungan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi subjek Pendidikan Muzik Sekolah Rendah dan Menengah menekankan penguasaan kemahiran bermain alat muzik secara asas dan penglibatan aktif dalam aktiviti muzik. Namun begitu, kekangan masa pengajaran, fasiliti terhad, dan kekurangan tenaga pengajar terlatih menjadikan kemahiran asas seperti bermain gitar sukar untuk diterapkan secara berkesan. Dalam masa yang sama, penggunaan teknologi dalam pengajaran muzik masih belum dimanfaatkan sepenuhnya, sedangkan





potensi aplikasi seperti TikTok semakin meningkat dalam kalangan remaja dan pelajar (Yélamos-Guerra et al., 2022; Conde-Caballero et al., 2024; Kaye et al., 2022). Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi membangunkan satu reka bentuk modul pembelajaran asas gitar yang berteraskan konsep *bite-sized learning* menggunakan aplikasi TikTok. Konsep ini bukan sahaja menepati kehendak pembelajaran abad ke-21, malah menyokong aspirasi DSKP dalam memastikan pembelajaran muzik berlaku secara menyeronokkan, mudah diakses dan mesra digital. Secara khusus, kandungan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Muzik Sekolah Menengah Rendah bagi Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 menekankan penguasaan kemahiran asas bermain alat muzik serta penglibatan aktif dalam aktiviti muzik secara kreatif dan kontekstual. Dengan memanfaatkan platform seperti TikTok, modul pembelajaran dapat disampaikan secara lebih relevan kepada pelajar, seiring dengan gaya pembelajaran *digital natives*, sekaligus menyokong usaha guru dalam mencapai objektif kurikulum melalui pendekatan yang fleksibel dan interaktif.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini terbahagi kepada tiga objektif yang telah digariskan sebagai dalam mencari solusi dan jawapan terhadap kajian. Berikut merupakan objektif kajian.

- i. Menganalisis kesesuaian kandungan modul pembelajaran asas gitar berasaskan konsep *bite-sized learning* menggunakan aplikasi TikTok yang sesuai untuk pelajar sekolah menengah rendah, khususnya pelajar pemula mutlak.





- ii. Mereka bentuk dan membangunkan modul pembelajaran asas gitar berasaskan konsep bite-sized learning menggunakan aplikasi TikTok yang bersesuaian dengan tahap penguasaan pelajar sekolah menengah rendah.
- iii. Mengesahkan kesesuaian kandungan modul pembelajaran asas gitar melalui penilaian pakar muzik.

1.5 Persoalan Kajian

Dalam merialisasikan objektif kajian, persoalan kajian haruslah dijawab oleh pengkaji sepanjang proses kajian dijalankan.

- i. Apakah kandungan modul pembelajaran asas gitar yang sesuai untuk pelajar sekolah menengah rendah, khususnya pelajar pemula mutlak, berdasarkan konsep bite-sized learning menggunakan aplikasi TikTok?
- ii. Bagaimanakah modul pembelajaran asas gitar dapat direka bentuk dan dibangunkan berasaskan konsep bite-sized learning menggunakan aplikasi TikTok agar bersesuaian dengan tahap penguasaan pelajar sekolah menengah rendah?
- iii. Apakah tahap kesesuaian kandungan modul pembelajaran asas gitar yang dibangunkan berdasarkan penilaian pakar muzik?

1.6 Skop Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada proses pembangunan dan penilaian kandungan modul pembelajaran asas gitar untuk pelajar sekolah menengah rendah dengan menggunakan





pendekatan *bite-sized learning* melalui aplikasi TikTok. Modul ini dibangun secara khusus untuk pelajar pemula mutlak yang tidak mempunyai asas dalam permainan gitar, dan bertujuan untuk menyediakan bahan bantu mengajar yang ringkas, padat dan sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar abad ke-21.

Dari sudut kandungan, modul ini menumpukan kepada topik-topik asas permainan gitar seperti pengenalan kepada bahagian gitar, teknik penalaan, postur bermain yang betul, teknik asas petikan, serta pembentukan kord-kord mudah yang sering digunakan dalam lagu-lagu asas. Topik-topik ini dikenal pasti melalui kajian literatur dan analisis keperluan semasa, sejajar dengan saranan Durrant dan Welch (2012) bahawa pengenalan kepada instrumen harus bersifat progresif dan mudah difahami pada peringkat awal.



Modul ini direka bentuk menggunakan prinsip *bite-sized learning*, iaitu pendekatan yang menekankan penyampaian kandungan dalam unit yang kecil dan mudah dihadap, bagi meningkatkan keupayaan tumpuan dan pemahaman pelajar (Lo & Hew, 2020). Video yang dihasilkan berdurasi pendek dan mengikut format mesra TikTok, iaitu tidak melebihi satu minit bagi setiap topik. Platform TikTok dipilih kerana potensinya dalam menyampaikan kandungan pembelajaran secara menarik dan interaktif kepada golongan remaja (Chen et al., 2022; Omar & Dequan, 2020).

Kajian ini tidak melibatkan pelaksanaan modul dalam bilik darjah atau pengujian terhadap pelajar. Sebaliknya, penilaian modul dilakukan oleh tiga orang pakar dalam bidang muzik atau pendidikan muzik. Penilaian dijalankan melalui borang soal selidik terbuka, dengan fokus kepada aspek kesesuaian kandungan, penyampaian,





kesesuaian tahap pelajar dan gaya penyampaian. Penilaian ini dianalisis secara kualitatif menggunakan pendekatan analisis tematik, seperti yang disarankan oleh Braun dan Clarke (2006) dalam kajian kualitatif yang melibatkan maklum balas pakar.

Skop kajian ini dihadkan kepada peringkat pembangunan dan penilaian awal sahaja. Kajian tidak menilai keberkesanan modul terhadap pencapaian pelajar atau perubahan dalam kemahiran bermain gitar. Oleh itu, sebarang dapatan adalah bersifat eksploratori dan boleh dijadikan asas untuk kajian lanjutan di masa hadapan.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini tertumpu kepada pembangunan panduan pembelajaran asas gitar menggunakan aplikasi TikTok berasaskan konsep "bite-sized learning", dan terdapat beberapa batasan yang perlu diberi perhatian. Batasan ini penting untuk memberikan gambaran yang jelas mengenai had kajian dari segi pelaksanaan, pendekatan, serta kebolegunaan dapatan.

Pertama, kajian ini tidak menilai keberkesanan produk yang dibangunkan ke atas kumpulan sasaran secara langsung. Fokus utama adalah terhadap pembangunan produk dan penilaian kesesuaian kandungan oleh pakar dalam bidang pendidikan muzik dan teknologi pendidikan sahaja. Oleh itu, sebarang kesimpulan mengenai keberkesanan panduan ini terhadap tahap kemahiran pemain gitar pemula tidak dapat dibuat secara empirikal dalam kajian ini (Plomp & Nieveen, 2013).





Kedua, penggunaan aplikasi TikTok sebagai platform penyampaian turut menjadi satu batasan. Walaupun TikTok merupakan aplikasi yang popular dan mudah diakses oleh kebanyakan pelajar, ia juga mempunyai batasan seperti kekangan masa maksimum video yang terhad, sekatan kandungan oleh pihak aplikasi, serta kebarangkalian pelajar terdedah kepada gangguan daripada kandungan tidak berkaitan (Omar & Dequan, 2020). Ini mungkin boleh menjejaskan fokus pelajar terhadap pembelajaran yang disediakan.

Ketiga, kajian ini hanya menyentuh kandungan pembelajaran asas gitar seperti yang digariskan dalam DSKP Pendidikan Muzik sekolah rendah dan menengah rendah. Oleh itu, aspek lanjutan dalam permainan gitar seperti teknik improvisasi, teori muzik lanjutan atau gaya bermain profesional tidak termasuk dalam skop kajian ini. Hal ini dilakukan bagi memastikan kesesuaian kandungan dengan tahap pemain gitar pemula (KPM, 2017).

Akhir sekali, kajian ini hanya melibatkan pakar yang terhad bilangannya, berdasarkan kriteria kesesuaian dan pengalaman dalam bidang berkaitan. Oleh itu, penilaian kesahan kandungan adalah berdasarkan perspektif terpilih dan mungkin tidak mewakili keseluruhan pandangan komuniti pendidikan muzik secara menyeluruh.

1.8 Definisi Operasional

Dalam sesebuah kajian, definisi operasional memainkan peranan penting dalam menjelaskan maksud sebenar istilah-istilah utama yang digunakan. Definisi ini tidak hanya bersifat deskriptif, tetapi turut menerangkan bagaimana sesuatu konsep ditafsir



dan diaplikasikan secara praktikal dalam konteks kajian. Menurut Creswell (2014), definisi operasional merujuk kepada takrifan khusus yang ditetapkan oleh penyelidik bagi memastikan kefahaman yang konsisten serta ketepatan dalam pengukuran dan pelaksanaan kajian. Ini penting agar setiap elemen kajian dapat dijelaskan secara jelas, tersusun dan dapat diukur dengan objektif.

Kajian ini mengetengahkan beberapa konsep utama seperti *panduan pembelajaran, asas gitar, aplikasi TikTok, bite-sized learning*, dan *pemain gitar pemula*. Oleh itu, definisi operasional bagi setiap istilah ini perlu diberikan secara tuntas bagi menjamin ketepatan dalam skop dan pelaksanaan kajian

Modul pembelajaran merupakan satu bentuk bahan pengajaran yang dirancang secara sistematik, berstruktur, dan disusun mengikut urutan tertentu untuk membantu pelajar mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan secara sendiri atau separa sendiri. Modul ini biasanya mengandungi objektif pembelajaran, isi kandungan, aktiviti, dan penilaian yang membolehkan pelajar belajar mengikut kadar dan masa mereka sendiri.

Dalam konteks kajian ini, modul pembelajaran merujuk kepada satu set bahan pembelajaran berasaskan konsep *bite-sized learning* yang dikembangkan dalam bentuk video pendek melalui aplikasi TikTok, khusus untuk mengajar asas permainan gitar kepada pelajar sekolah menengah rendah yang tidak mempunyai asas formal dalam muzik. Modul ini dibangunkan secara berfasa mengikut prinsip reka bentuk pembangunan dan dinilai oleh pakar bagi mengesahkan kesesuaian kandungannya.



Definisi ini sejajar dengan pandangan oleh Gagne, Briggs & Wager (1992) serta Sidek dan Jamaludin (2005), yang menekankan bahawa modul yang berkesan perlu dibina secara terancang dan bersifat mesra pelajar bagi mencapai keberkesanan pengajaran.

b Asas Gitar

Asas gitar dalam kajian ini merujuk kepada pengetahuan dan kemahiran awal yang diperlukan oleh pemain gitar pemula. Ia merangkumi elemen seperti pengenalan kepada bahagian-bahagian gitar, posisi memegang gitar dengan betul, pengenalan kepada kord asas, serta teknik petikan yang mudah. Kandungan ini disusun berpandukan DSKP Pendidikan Muzik bagi tahap sekolah rendah dan menengah rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017; 2020).

c Aplikasi TikTok

Aplikasi TikTok dalam konteks kajian ini merupakan sebuah platform media sosial yang digunakan sebagai medium utama untuk penyampaian panduan pembelajaran. TikTok dipilih kerana sifatnya yang menyokong format video pendek dan interaktif, sekaligus sesuai dengan gaya pembelajaran generasi digital masa kini yang lebih tertarik kepada kandungan visual yang padat dan ringkas (Montag et al., 2021).



d *Bite-Sized Learning*

"Bite-sized learning" merujuk kepada kaedah penyampaian maklumat atau pembelajaran dalam bentuk unit kecil yang mudah dihadam, difahami dan diingat oleh pelajar. Dalam kajian ini, setiap video pembelajaran tidak melebihi satu minit dan memfokuskan kepada satu objektif kecil pembelajaran sahaja dalam setiap penyampaian (Chen et al., 2022). Kaedah ini berkesan untuk pemain pemula yang memerlukan pengulangan dan penekanan kepada kemahiran asas tertentu.

e **Pemain Gitar Pemula**

Pemain gitar pemula mutlak merujuk kepada individu yang berada pada tahap awal pembelajaran gitar dan tidak memiliki sebarang pengalaman formal atau tidak formal dalam permainan alat muzik ini. Golongan ini belum menguasai kemahiran asas seperti penalaan gitar, pembentukan kord terbuka, teknik petikan, atau pembacaan carta kord. Dalam konteks kajian ini, kumpulan ini merangkumi pelajar sekolah menengah rendah yang belum pernah mengikuti pengajaran gitar secara sistematik dan menjadi sasaran utama dalam pembangunan modul pembelajaran asas berasaskan konsep *bite-sized learning* melalui platform TikTok.

Definisi ini sejajar dengan penjelasan oleh Ceviz (2023) dan Yılmaz & Zahal (2023), yang menjelaskan bahawa pelajar pemula biasanya memerlukan pendekatan pengajaran yang berstruktur, ringkas dan berfasa untuk membolehkan mereka menguasai kemahiran asas secara progresif.



1.9 Rumusan Bab

Secara keseluruhannya, Bab 1 telah membentangkan latar belakang kepada kajian, termasuk pernyataan masalah, objektif, persoalan kajian, skop, batasan serta definisi operasional kajian. Kajian ini memberi tumpuan kepada pembangunan reka bentuk modul pembelajaran asas gitar berasaskan konsep *bite-sized learning* menggunakan aplikasi TikTok yang sesuai untuk pelajar sekolah menengah rendah, khususnya pelajar pemula mutlak, selaras dengan keperluan semasa dalam era digital dan pembelajaran abad ke-21.

Penggunaan platform media sosial seperti TikTok dalam konteks pendidikan muzik khususnya pembelajaran asas gitar, merupakan satu pendekatan inovatif dan responsif terhadap pola pembelajaran generasi digital. Melalui penerokaan kandungan yang bersesuaian, pembangunan panduan, serta pengesahan oleh pakar, kajian ini dijangka dapat menyumbang ke arah penghasilan bahan bantu mengajar yang lebih interaktif dan relevan.

Rumusan ini juga mengukuhkan keperluan kepada penyesuaian pedagogi dengan perkembangan teknologi, serta penekanan terhadap elemen pembelajaran sendiri dan fleksibiliti akses pembelajaran dalam kalangan pelajar. Bab seterusnya akan mengupas dengan lebih mendalam sorotan literatur berkaitan aspek teori, konsep pembelajaran, penggunaan media sosial dalam pendidikan, serta kajian lepas yang relevan dengan topik kajian ini.

